



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 11 pagi, Khamis 12 Oktober 2023

Untuk Terbitan Media

12 Oktober 2023

## **SIARAN MEDIA**

### **4 ISU STRUKTUR, MESKIPUN PASARAN BURUH SEMAKIN PULIH ALERT: PENYELESAIAN PERLUKAN PENDEKATAN TERANGKUM**

**KUALA LUMPUR:** Masalah struktur seperti kadar pengangguran yang tinggi dalam kalangan belia dan jurang guna tenaga antara jantina masih wujud, meskipun pasaran buruh merekodkan tanda pemulihan.

Presiden Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA), Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed, berkata laporan terkini Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menunjukkan kadar pengangguran global menguncup ke paras 5.3 peratus tahun ini, iaitu lebih rendah berbanding 5.5 peratus ketika tempoh sebelum pandemik 2019.

Bagaimanapun, katanya, perkembangan sedemikian tidak seragam, dengan kadar pengangguran negara berpendapatan rendah dijangka tidak akan kembali ke paras sebelum pandemik pada tahun ini.

“Rantau Afrika dan Negara Arab diunjur berdepan kadar pengangguran lebih tinggi tahun ini berbanding 2019, namun di Malaysia kita bernasib baik apabila melakar perkembangan memberangsangkan.

“Kadar pengangguran Malaysia menyusut ke paras 3.4 peratus setakat Julai lalu, menghampiri 3.2 peratus yang dicatatkan pada 2019, tetapi kita masih dibelenggu dengan masalah struktur.

“Ia terbahagi kepada kadar pengangguran dalam kalangan belia, populasi menua,

jurang guna tenaga antara jantina dan peningkatan pekerja sektor tidak formal,” katanya pada uaputama sempena International Public Employment Forum 2023 (IPEF 2023), di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini, semalam.

Dr Mohammed Azman berkata Unjuran Perlindungan Sosial ILO 2023 mendedahkan 23.25 peratus belia di seluruh dunia ketika ini tidak berada dalam sektor pekerjaan, latihan atau mengikuti sebarang kursus pendidikan.

Selain itu, katanya, fenomena populasi menua bakal menyaksikan 150 juta pekerja dalam golongan berusia berada dalam tenaga buruh di peringkat global, termasuk mereka yang kembali ke pasaran kerja selepas pencen.

“Jurang tenaga buruh antara jantina pula dijangka semakin melebar berikutan lebih ramai wanita tidak kembali ke sektor pekerjaan, dengan kebanyakannya berpunca daripada keperluan menggalas tanggungjawab sebagai suri rumah.

“Susulan pandemik, pekerja di sektor tidak formal juga melonjak hingga mencecah kira-kira dua bilion dan mereka terdedah kepada kekangan perlindungan sosial serta hak pekerja,” katanya.

Mengutarakan kerangka hala tuju penyelesaian yang direncana ISSA, Dr Mohammed Azman berkata kerjasama sektor pendidikan dan penyedia perkhidmatan pekerjaan perlu diperkukuh, demi memastikan tenaga kerja muda memiliki kelayakan yang menepati permintaan pasaran buruh ketika peralihan ke dunia kerjaya.

Beliau berkata, usaha menangani fenomena populasi menua memerlukan suntikan insentif seperti subsidi upah atau pengecualian cukai kepada majikan untuk memperkasa program latihan semula dalam kalangan golongan pekerja berusia.

“Tidak terkecuali ialah merencana peluang saksama untuk mencapai keseimbangan antara kerja dan kehidupan peribadi, dengan menyediakan jaringan kemudahan seperti perkhidmatan penjagaan kanak-kanak serta kelonggaran

bekerja dari rumah.

“Yang terakhir ialah kerangka kurikulum berstruktur meliputi maklumat penggunaan teknologi dan perkhidmatan rundingan kerjaya untuk membantu pekerja menyesuaikan diri dalam dunia ekonomi digital masa kini,” katanya.

Tamat

###

#### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘*leaves no one behind*’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJob One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:  
Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat  
12 OKTOBER 2023**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:  
Mohd Wazid Zaidon  
+6017-619 3181  
[wazid.zaidon@perkeso.gov.my](mailto:wazid.zaidon@perkeso.gov.my)**